



## **PENCALONAN ANUGERAH MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1432H/2011M**

Ketua- Ketua Jabatan Kerajaan, Syarikat Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan orang perseorangan adalah dipelawa untuk membuat pencalonan bagi Anugerah Maulidur Rasul SAW bersempena Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1432H/ 2011M. Setiap pencalonan yang berjaya akan menerima hadiah wang tunai, sijil penghargaan daripada Kerajaan Malaysia, plak serta cenderamata iringan dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1432H/2011M. Perbelanjaan perjalanan, penginapan dan makan/ minum bagi penerima untuk menghadiri majlis sambutan tersebut akan ditanggung oleh Kerajaan.

### **GARIS PANDUAN PENCALONAN**

1. Calon mestilah Warganegara Malaysia, terbuka kepada lelaki dan perempuan daripada semua agama.
2. Pencalonan adalah terbuka kepada kakitangan Agensi dan Badan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Syarikat Swasta dan Individu.
3. Calon kakitangan Kerajaan adalah terbuka kepada Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan.
4. Kriteria pemilihan pencalonan adalah seperti berikut:
  - a. Telah memberikan sumbangan dalam tugas yang mencabar;
  - b. Telah memberikan sumbangan dalam tugas berisiko tinggi;
  - c. Telah memberikan sumbangan yang berinovatif;
  - d. Telah memberikan sumbangan ke arah kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara; dan
  - e. Telah memberikan sumbangan untuk memenuhi kewajipan fardhu kifayah.
5. Pencalonan dari Jabatan- Jabatan hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan masing- masing.
6. Setiap agensi boleh mengemukakan seorang pencalonan.

7. Pencalonan hendaklah diserahkan melalui borang pencalonan yang boleh diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Jakim di alamat <http://www.islam.gov.my>. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah sampai kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia selewat-lewatnya sebelum atau pada 30 Januari 2011 ke alamat seperti berikut:

**Urus Setia Pencalonan Anugerah Maulidur Rasul SAW 1432H/ 2011M**  
**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan**  
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**  
**Aras 6, Blok D7, Kompleks D,**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**  
**62519 PUTRAJAYA**  
**(u.p.: En. Mohd. Zarifi bin Mohd. Daud/ Pn. Rafidah bt. Ab. Razak)**  
**Tel: 03- 8886 4301/ 4295/ 4268 Faksimili: 03- 8889 1993**

8. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
9. Pemilihan Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1432H/2011M akan diputuskan oleh sebuah panel yang dipengerusikan oleh YB. Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad.
10. Hanya calon- calon yang berjaya sahaja akan dihubungi oleh pihak Urus Setia.

\*Sebarang pertanyaan berkaitan pencalonan bolehlah dirujuk kepada pihak Urus Setia seperti di alamat di atas.

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Putrajaya**